

**JABATAN KORPORAT**

**TARIKH: 17.04.2025 MASA: 10.30AM**

**MUKTAMAD**



## **MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA TUAN MOHD IBRAHIM BIN MD NOR  
SETIAUSAHA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### **SEMPENA**

**MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MBSP SANTUNI  
KOMUNITI**

### **TARIKH / MASA / TEMPAT**

**20 APRIL 2025 (AHAD)  
10.30 PAGI**

**GELANGGANG BOLA KERANJANG, TAMAN TANGLING  
SEBERANG PERAI SELATAN**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik**

ADUN Bukit Tambun

**Yang Dihormati Encik Darwin Lim Chee Chien**

Ahli Majlis Merangkap Ketua Penyelaras

Program MBSP Santuni Komuniti

**Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**

Setiausaha Bandaraya

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Encik TPr Haji Mohd Ridzal Bin Abdul**

Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap

Penyelaras Program MBSP Santuni Komuniti

**Yang Berusaha Encik Rohai Zahar Bin Nedi**

Pengarah Perpaduan Negeri

**Yang Berusaha Encik Marwan Bin Storepipe**

Pengawai Perpaduan Daerah Seberang Perai Selatan

**Yang Dihormati Rakan-Rakan Strategik**

**Encik Mohd Zaini Bin Yusoff**

Pengerusi KRT Taman Belibis

**Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera serta Salam MADANI,

1. Marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh bermakna ini dalam **Majlis Perasmian Program MBSP Santuni Komuniti**.
  
2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik atas kesudian Yang Berhormat meluangkan masa untuk merasmikan program ini. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus menjayakan program ini, termasuk Ahli Majlis, MPKK, KRT, serta agensi-agensi yang terlibat.
  
3. Program MBSP Santuni Komuniti ini merupakan inisiatif MBSP dengan kerjasama erat Ahli Majlis kawasan dan penduduk setempat. Matlamat utama program ini adalah untuk:
  - a. Memupuk semangat komuniti dalam kalangan penduduk setempat;
  - b. Mengeratkan hubungan silaturahim antara MPKK, KRT dan MBSP;

- c. Mewujudkan perpaduan kaum yang harmoni; dan
- d. Meningkatkan kesejahteraan sosial serta memperkukuhkan penyatuan antara kaum melalui pameran dan aktiviti daripada pelbagai agensi.

Seperti kata pepatah, 'Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.' Semangat inilah yang kita semai melalui penganjuran program seperti ini.

- 4. Hari ini, kita akan menyaksikan penyertaan seramai kira-kira 300 orang penduduk yang turut serta dalam pelbagai aktiviti yang telah disusun, antaranya:
  - a. Senamrobik;
  - b. Pertandingan mewarna kanak-kanak;
  - c. Sukaneka Rakyat;
  - d. Saringan kesihatan percuma untuk memeriksa glukos dan kolesterol;
  - e. Perkhidmatan Kaunter Bergerak MBSP bagi memudahkan urusan penduduk;
  - f. Pameran Perpustakaan Bergerak, Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang dan Persatuan Bulan Sabit Merah;
  - g. Pemeriksaan mata oleh GF Eyewear;
  - h. Perkhidmatan Jabatan Pendaftaran Negara;
  - i. *Wellness On Wheel*; dan

j. Jualan Rahmah yang menyediakan barangan keperluan pada harga berpatutan.

5. Program ini bukan sekadar platform untuk memperkenalkan perkhidmatan MBSP kepada masyarakat, tetapi juga sebagai wadah untuk memperkukuhkan hubungan antara penduduk dengan Pihak Berkuasa Tempatan serta memupuk semangat kebersamaan dalam kalangan komuniti yang berbilang kaum.
6. Saya berharap agar program ini dapat memberikan manfaat yang besar kepada semua yang hadir dan seterusnya menjadi pemangkin kepada usaha-usaha memperkukuhkan perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat Seberang Perai. Marilah kita terus berganding bahu, menyemai benih perpaduan dan menuai hasil kesejahteraan untuk generasi akan datang.
7. Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Semoga usaha murni ini akan terus mendapat sokongan padu daripada warga Seberang Perai dan menjadi contoh kepada inisiatif-inisiatif komuniti yang lain.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh.***